

P: 168 - 169
000255197 ABUJOSY
A

KETIKA mengunjungi rumah saudara mara pada musim perayaan lalu, banyak cerita yang dikongsi. Paling memeranjatkan apabila seorang daripadanya mula menasihati saya agar menjaga dua 'anak dara' saya dengan sebaik-baiknya. Kenapa?

Lindungi anak daripada penderaan SEKSUAL



"Budak-budak sekarang bukan boleh percaya. Kecil-kecil lagi sudah pandai buat perkara tidak senonoh," bisiknya di telinga saya.

"Hari itu aku ternampak anak si polan, baru sahaja habis darjah enam, tetapi sudah pandai baring-baring sambil peluk sepupu perempuannya yang berusia empat tahun lebih muda. Bukannya apa, cuma takut kalau-kalau benda yang tidak elok berlaku. Maklumlah, zaman sekarang banyak sangat pengaruh negatif yang menular di fikiran anak-anak."

Memang banyak cerita penderaan seksual yang kita dengar. Statistik menunjukkan ahli keluarga terdekat termasuklah bapa kandung paling banyak terbabit. Jadi, bagaimana kita mahu memastikan keselamatan anak terjamin? Mungkin petua di bawah dapat membantu.

1. Ajar anak sejak kecil mengenai penderaan seksual supaya dia boleh mengecam tingkah laku yang boleh menjurus kepada penderaan seksual.
2. Ajar anak untuk berkata 'tidak', cara meminta bantuan dan mengawal diri daripada disentuh orang lain. Beri sokongan terhadap hak anak untuk

mengatakan 'tidak' terhadap sesuatu tindakan.

3. Perhatikan orang di sekeliling anak anda. Sentuhan boleh dilakukan oleh mereka yang anda suka dan percayai.
4. Galakkan anak berkomunikasi dengan memberikan perhatian yang serius terhadap percakapannya.
5. Beri perhatian terhadap tanda-tanda yang mungkin membawa kepada penderaan seksual.
6. Jangan sekali-kali tinggalkan anak dengan orang yang anda tidak percayai. Ikut kata naluri anda.
7. Bimbing anak mengenai penderaan seksual apabila memberinya maklumat mengenai keselamatan diri.
8. Ingatkan anak bahawa orang yang 'baik' boleh berniat jahat terhadap dirinya.
9. Galakkan anak memberitahu anda mengenai orang yang dia tidak selesa dampingi.
10. Sediakan anak untuk menangani 'rasuah' dan ugutan serta paksaan fizikal.
11. Hapuskan kerahsiaan di antara anda dan anak.
12. Tunjukkan tingkah laku melindungi diri dan batasan tingkah laku anda sendiri.
13. Jalinan seksual yang paling lazim dalam sesebuah keluarga ialah di antara anak kecil dan anak remaja



Gambar hiasan

berlainan jantina. Kerap kali ibu bapa lalai mengenainya. Elakkan anak mandi dan tidur bersama tanpa pengawasan kerana ia memungkinkan terjadinya hubungan seksual di antara mereka. Islam menetapkan anak berlainan jantina dipisahkan tempat tidur apabila mencapai usia tujuh tahun.

Kanak-kanak biasanya tidak tahu cara untuk memberitahu ibu bapa secara terus terang bahawa mereka didera secara seksual. Berikut adalah tanda kemungkinan anak anda didera secara seksual. Namun, ia tidak bermakna semua tingkah-laku menunjukkan anak anda didera sedemikian. Ini hanya sebagai panduan untuk membantu anda menyedari tanda paling lazim menunjukkan berlakunya penderaan seksual.

1. Tingkah laku terlalu mengikut kata.
2. Memberontak.
3. Tingkah laku kedewasaan yang berpura-pura atau berperanan bertentangan – anak perempuan berlagak sebagai ibu yang tidak padan dengan usia sebenar dan keadaan keluarganya.
4. Memberi isyarat mengenai aktiviti seksual.
5. Bermain berunsur seksual berterusan dan tidak wajar dengan rakan sebaya, alat permainan atau dengan dirinya atau tingkah laku seksual yang agresif dengan

- orang lain.
6. Kefahaman mendalam dan tidak wajar berbanding umur anak mengenai tingkah laku seksual.
7. Hubungan dengan rakan sebaya renggang atau tidak boleh berkawan.
8. Tidak mempercayai orang lain, khususnya ahli keluarga atau kawan rapat.
9. Tidak membabitkan diri dalam kegiatan sekolah atau sosial.
10. Tidak boleh menumpukan perhatian kepada pelajaran di sekolah.
11. Prestasi akademik menurun secara mendadak.
12. Terlalu takut kepada orang lelaki atau sangat malu (bagi mangsa perempuan).
13. Lari dari rumah.
14. Gangguan tidur, igauan atau ketakutan pada waktu malam, biasanya terhadap keganasan fizikal atau seksual.
15. Tingkah laku terlalu keanak-anakan (agresif, fantasi).
16. Tingkah laku menarik diri daripada kegiatan biasa.
17. Kemurungan.
18. Perasaan ingin membunuh diri.
19. Kekacauan seksual atau kerap melancap akhir-akhir ini.
20. Adik-beradik lelaki dan perempuan lain mengadu disalahkan secara seksual.
21. Berat badan meningkat atau menurun secara mendadak.

Apa harus dilakukan jika anak anda didera secara seksual:

1. Dengarkan anak anda.
2. Bercakap dengan anak bersendirian. Biar anak terangkan dengan kata-katanya sendiri. Dengar dengan teliti.
3. Beri sokongan melalui pujian, kepercayaan, simpati dan tidak menuduh.
4. Kawal raut muka dan gerak-geri anda supaya tidak menunjukkan rasa terperanjat atau keji.
5. Jangan sekali-kali menuduh anak kerana dia mungkin rasa bersalah. Beritahu anak bahawa dia tidak bersalah, tiada sesiapa pun berhak menyentuhnya sehingga dia rasa tidak selesa atau amat malu.
6. Sediakan peluang untuk anak bercakap mengenai penderaan seksual yang dialami:-
 - Beri jaminan anda akan melindungi daripada deraan seterusnya.
 - Jawab soalan atau perasaan yang diluahkan dengan tenang dan bersahaja.
 - Jangan paksa anak bercakap mengenai penderaan yang dialami.
7. Raahsiakan kejadian daripada pengetahuan orang lain termasuk ahli keluarga.
8. Jangan ubah rutin harian di rumah.
9. Beritahu adik beradiknya sesuatu berlaku, tetapi dia tidak apa-apa.
10. Pastikan anak-anak lain juga dilindungi daripada pendera.
11. Arahkan anak untuk memberitahu anda jika pendera mengganggunya lagi.
12. Laporkan kejadian kepada pihak polis:
 - Jangan bersemuka dengan pendera – biarkan pihak polis melakukannya.
 - Dapatkan panduan pihak polis, kumpulan pelindung kanak-kanak atau pusat aduan gangguan seksual mengenai pemeriksaan doktor untuk anak anda.
13. Dapatkan bantuan khidmat kaunseling untuk anak anda dan seluruh keluarga. Anak yang tidak menunjukkan reaksi atau menunjukkan sedikit reaksi emosi bukan bererti dia tidak didera secara seksual atau penderaan seksual yang dialami tidak meninggalkan sebarang kesan kepadanya.
14. Jangan takut untuk membantu anak jika anda mengesyaki penderaan seksual berlaku.